Selasa
25 Jun 2013
16 Syaaban 1434H
Sarawak RM1.00
Brunei Darussalam B$1.00

# Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)
Citra Generasi Prihatin



'NGETAS RANYAI' KINI RINGKAS, NAMUN TETAP PELIHARA TRADISI • Horizon



PEMANGKIN KEGEMILANGAN • Muka 20

# Sarawak tetap kekalkan hutan

## Tidak akan musnahkan hutan simpan, taman negara dalam usaha bangun industri sawit

Oleh Andy Sabang

**SIBU: Sarawak tidak akan memusnahkan hutan simpan dan taman negara dalam usahanya membangunkan industri tanaman kelapa sawit.**

Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud berkata, kerajaan memperuntukkan kira-kira 60 peratus kawasan hutannya sebagai hutan simpan tetap dan taman negara manakala 20 peratus diperuntukkan sebagai hutan tanaman semula.

"Pada pendapat saya tidak banyak negara yang menyediakan kawasan hutan yang begitu besar termasuk mereka yang sering membuat kritikan.

"Seperti yang anda lihat kita telah wujudkan kelestarian dalam industri perhutanan dan kita sangat bangga kerana ia berjaya dilakukan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis 10th ISP National Seminar 2013 (NATSEM 2013) anjuran The Incorporated Society of Planters di sebuah hotel terkemuka di sini semalam.



**PENERANGAN: Taib ketika melawat salah sebuah ruang pameran sempena penganjuran majlis berkenaan semalam.**

Taib berkata, usaha pembangunan industri tanaman kelapa sawit tidak hanya terbatas di kawasan tanah gambut sahaja.

Sebaliknya kerajaan ujar beliau, memfokuskan industri berkenaan turut dibangunkan di kawasan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR).

"Terdapat kira-kira 180,000 hektar tanah NCR yang sedang dalam peringkat rundingan di antara pemaju dan pemilik tanah dan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang kita boleh menawarkan satu hingga 1.5 juta hektar tanah untuk industri penanamaan kelapa sawit.

"Justeru mana-mana pemaju berminat boleh menemui pihak PELITA atau bersemuka terus dengan pemilik tanah," ujarnya.

Kira-kira 1,000 orang pemain industri berkenaan hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama Menteri Kewangan Kedua Dato Sri Wong Soon Koh, Pengerusi The Incorporated Society of Planters Daud Amatzin dan ADUN Nangka Dr Annuar Rapaee dan Residen Sibu Sim Kok Kee.

> "Pada pendapat saya tidak banyak negara yang menyediakan kawasan hutan yang begitu besar termasuk mereka yang sering membuat kritikan."
>
> **Pehin Sri Abdul Taib Mahmud**
> *Ketua Menteri*

### Waktu Solat

| IMSAK | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Limbang, Sundar, Trusan, Lawas | | | | | |
| 4.37 | 4.47 | 12.25 | 3.51 | 6.36 | 7.52 |
| Niah, Bekenu, Miri, Sibuti, Marudi | | | | | |
| 4.43 | 4.53 | 12.29 | 3.45 | 6.39 | 7.54 |
| Tatau, Suai, Belaga, Pandan, Sebauh, Bintulu | | | | | |
| 4.49 | 4.59 | 12.33 | 3.58 | 6.40 | 7.56 |
| Igan, Oya, Balingian, Mukah, Dalat, Sibu, Kanowit, Kapit, Song | | | | | |
| 4.53 | 5.03 | 12.37 | 4.03 | 6.45 | 8.00 |
| Belawai, Matu, Daro, Sarikei, Julau, Bintangor, Rajang | | | | | |
| 4.57 | 5.07 | 12.39 | 4.05 | 6.46 | 8.01 |
| Kabong, Lingga, Sri Aman, Engkilili, Betong, Spaoh, Pusa, Saratok, Roban, Debak, Lubok Antu | | | | | |
| 4.58 | 5.08 | 12.40 | 4.05 | 6.45 | 8.01 |
| Samarahan, Simunjan, Serian, Sebuyau, Maludam | | | | | |
| 5.01 | 5.11 | 12.42 | 4.07 | 6.47 | 8.03 |
| Kuching, Lundu, Bau, Sematan | | | | | |
| 5.03 | 5.13 | 12.45 | 4.10 | 6.51 | 8.06 |

Disediakan oleh Unit Falak Syarie
PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

Sibu masih catat bacaan IPU tidak sihat
TEMPATAN 2

Jalin kerjasama pelihara, pulihara alam sekitar
TEMPATAN 4

## Penyelidikan tanah gambut perlukan sokongan kewangan kerajaan pusat

**KUCHING:** Unit Makmal Penyelidikan Tanah Gambut Tropika (TPRLU) meminta kerajaan pusat terlibat sama dalam menyokong projek-projek penyelidikan dan pembangunannya.

"Kami telah memulakan